



TEKS UCAPAN

YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG)

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KOMPLEKS

MAHKAMAH KOTA BAHARU, KELANTAN.

23 JULAI 2019

11.00 PAGI

BILIK PERSIDANGAN, KOMPLEKS MAHKAMAH KOTA BAHARU, KELANTAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Negaraku

Terima kasih saudara pengacara majlis.

Yang Amat Arif Datuk Seri / Yang Arif-Yang Arif / Tan Sri-Tan Sri / Datuk Seri / Datuk-Datuk / Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

Saya berasa amat gembira kerana kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini, sempena Majlis Penyerahan Kompleks Mahkamah, Kota Baharu, Kelantan.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menzahirkan ucapan penghargaan kepada YAA Datuk Seri Tengku Maimun Tuan Mat, Ketua Hakim Negara atas kesudian melapangkan masa untuk bersama-sama menyaksikan Majlis Penyerahan Projek Kompleks Mahkamah Baharu pada pagi ini.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari, Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Tuan Terriruddin bin Mohd Salleh, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia; dan YBhg. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Haji Osman, Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya atas usaha gigih agensi masing-masing untuk memastikan majlis ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Untuk makluman hadirin sekalian,

Kerajaan sentiasa mengambil inisiatif untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kehakiman dan perundangan yang berkualiti disampaikan kepada rakyat. Seringing itu, penyediaan prasarana dalam bentuk fizikal dan bukan fizikal salah satu keutamaan dalam agenda pembangunan segera.

Ini terbukti melalui penyediaan peruntukan besar berjumlah RM 643.9 juta yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) untuk tempoh 2016 hingga 2020 bagi meneruskan pembangunan projek-projek fizikal mahkamah di seluruh Malaysia. Kompleks Mahkamah Kota Baharu ini adalah di antara 6 buah projek bangunan mahkamah yang telah dirancang untuk disiapkan dalam tempoh RMK-11.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Seperti hadirin sedia maklum, dari hari ke hari, jumlah kes yang dibicarakan di mahkamah semakin bertambah serta memerlukan penambahan kamar bicara yang dilengkapi dengan kemudahan peralatan terkini. Keadaan mahkamah bangunan mahkamah lama yang telah usang dengan keluasan yang terhad, menjadi sebarang kerja penambahan ruang tidak lagi sesuai dan kondusif untuk dilaksanakan. Justeru, Kawasan Bandar Baharu Tunjong ini dengan keluasan 6.73 ekar telah dipilih untuk

pembinaan kompleks mahkamah Kota Baharu yang baru. Projek Kompleks Mahkamah Kota Baharu ini telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM106.42 juta. Ia melibatkan pembinaan sebuah bangunan baharu setinggi empat tingkat dengan skop 13 bilik bicara, yang terdiri dari tiga (3) Mahkamah Tinggi, lima (5) Mahkamah Sesyen dan lima (5) Mahkamah Majistret. Bangunan ini turut dilengkapi dengan bilik-bilik sokongan seperti ruang pejabat yang mengandungi kamar hakim, bilik persidangan, bilik Mesyuarat, perpustakaan, cafeteria, surau dan sebagainya.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Sesungguhnya, kita merasa amat bangga kerana dapat melihat kejayaan pembinaan Kompleks Mahkamah Baharu Kota Baharu ini yang merupakan sebuah projek pembangunan Kerajaan Persekutuan yang terbaik dan efisien. Ini adalah kerana projek ini telah berjaya menerima Sijil Siap Bina atau CPC (*Certificate of Practical Completion*) pada 15 Mei 2019; iaitu lebih awal setahun daripada jadual tarikh siap asal yang disasarkan pada April 2020. Saya berharap agar kejayaan projek ini dapat dijadikan penanda aras kepada projek-projek Kerajaan Persekutuan yang lain untuk siap lebih awal daripada jadual dengan kualiti yang terjamin.

Pada hari ini, kompleks ini akan diserahkan kepada pihak pengurusan mahkamah dan menjadi satu lagi lambang kesungguhan kerajaan untuk meneruskan dasar memperlengkapkan badan kehakiman dengan kemudahan terbaik dan prasarana yang mantap.

Kompleks mahkamah ini turut dilengkapi kemudahan sistem teknologi maklumat termasuk *sistem Court Recording Transcription (CRT)* dan internet jalur lebar berkelajuan tinggi. Saya yakin, kemudahan teknologi ini dapat menyumbang ke arah meningkatkan kecekapan pengurusan Mahkamah bagi mendengar dan menyelesaikan kes-kes dalam jangkamasa yang ditetapkan.

Saya yakin dengan terbangunnya bangunan ikonik yang megah ini, akan menjadi mercu tanda kedaulatan undang-undang di negara ini, khususnya di Negeri Kelantan. Adalah diharapkan kompleks ini kelak, dapat memastikan sistem penyampaian kehakiman yang lebih cekap dan efisien untuk manfaat masyarakat, khususnya di sekitar daerah Kota Baharu dan umumnya di Negeri Kelantan.

Ini adalah kerana pihak kerajaan menasarkankan peningkatan produktiviti kakitangan mahkamah dengan penyelesaian kes sivil dalam tempoh Sembilan bulan dan kes jenayah dalam tempoh 12 bulan setelah siapnya kompleks mahkamah baharu ini.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Bagi pihak kerajaan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi pelaksana projek ini dan pihak kontraktor, CAKNA Enterprise Sdn. Bhd serta semua perunding yang terlibat. JKR telah melakukan yang terbaik dalam mengurus dan memantau pelaksanaan projek ini supaya berjalan lancar dan siap lebih awal daripada tempoh kontrak yang telah ditetapkan. Dengan kejayaan ini juga, JKR boleh menjadikan projek Mahkamah ini sebagai satu tanda kecemerlangan dalam pelbagai aspek, yang boleh dicontohi di dalam melaksanakan projek Mahkamah baharu yang sedang dan akan dibangunkan pada masa hadapan.

Penghargaan juga kepada pegawai-pegawai daripada BHEUU dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia yang telah merancang projek pembangunan kompleks mahkamah baharu ini dan seterusnya Berjaya melaksanakan majlis penyerahan pada hari ini. Juga tidak dilupakan agensi-agensi pusat seperti Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Kewangan yang telah meluluskan peruntukan kewangan dan perolehan projek ini. Ucapan ribuan terima kasih juga dirakamkan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam majlis ini.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Adalah menjadi harapan saya agar dengan siapnya bangunan ini, pegawai-pegawai kehakiman dan warga mahkamah mendapat kemudahan tempat kerja yang kondusif dan memenuhi keperluan tugas mereka. Seterusnya, pengurusan mahkamah secara keseluruhannya dapat pula memberi perkhidmatan terbaik dalam mendaulatkan undang-undang di negara ini dan memberi keselesaan kepada orang ramai secara amnya.

Yang Amat Arif Datuk Seri / Yang Arif-Yang Arif / Tan Sri-Tan Sri / Datuk Seri / Datuk-Datuk / Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Saya dengan ini amat sukacita bagi kita bersama sebentar lagi untuk menyaksikan majlis penyerahan Kompleks Mahkamah Baharu Kota Baharu, Kelantan secara rasminya kepada pengurusan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.